

3 prinsip utama bina masyarakat ASEAN

UM - 26/7/2006

KUALA LUMPUR 25 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menggariskan tiga prinsip utama yang perlu diutamakan dalam usaha membina Masyarakat ASEAN berasaskan kepada tunggak keselamatan, ekonomi dan sosiobudaya.

Perdana Menteri menjelaskan, prinsip pertama ialah penerimaan sejagat bahawa dalam isu-isu yang menjejaskan masyarakat ASEAN, kepentingan komuniti badan serantau itu perlu diutamakan berbanding kepentingan nasional.

"Kita perlu mencari formula di mana kepentingan masyarakat sejagat tidak akan berada pada kedudukan lebih rendah daripada kuasa veto yang hanya (melibatkan) satu atau beberapa negara anggota," katanya semasa merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-39 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Mesyuarat itu yang bermula hari ini dihadiri Menteri Luar kesemua 10 negara anggota.

Prinsip kedua yang perlu didukung ASEAN, kata Abdullah, adalah pelaksanaan kapasiti bagi menguatkuasakan keputusan.

Setakat ini, kata beliau, rekod ASEAN dalam memasukkan keputusan

Kita perlu mencari formula di mana kepentingan masyarakat sejagat tidak akan berada pada kedudukan lebih rendah daripada kuasa veto

perkumpulan dalam perundangan nasional masing-masing adalah amat lemah.

"Kita telah memainkan peranan yang lebih baik dalam memberikan kesan nasional kepada perjanjian dan konvensyen antarabangsa yang lebih luas.

"ASEAN juga perlu melakukan yang sama bagi perjanjian yang melibatkannya," tegas beliau.

Prinsip ketiga, katanya, adalah penerapan satu nilai masyarakat yang sama oleh semua anggotanya.

Karakter

Setengah nilai tersebut, kata Abdullah, mungkin bersifat universal namun yang lainnya mungkin mengambil karakter yang khusus kepada ASEAN.

"Senarai nilai itu perlu dimulakan dengan penerimaan tadbir urus baik di setiap negara anggota dan ahli-ahli masyarakatnya," ujar beliau.

Di rantau ini, katanya, situasi di

Myanmar telah memberikan impak ke atas imej dan kredibiliti ASEAN.

"Kita mahu Myanmar bergerak ke depan bersama negara-negara anggota ASEAN yang lain," tegasnya.

Beliau dalam hal ini berharap Kerajaan Myanmar akan mengambil langkah yang wajar untuk berbuat demikian kerana ia merupakan satu bahagian penting dalam tugas ASEAN membina masyarakat di rantau ini.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, ASEAN perlu menyambut baik laporan Kumpulan Tokoh Berpengaruh (EPG) dan melaksanakan cadangannya ke arah pembentukan Piagam ASEAN.

"Saya berharap kita boleh menyambut ulang tahun ke-40 ASEAN tahun depan bersertakan pencapaian tersebut," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyuarakan kepuasannya dengan peranan Malaysia memandu ASEAN ke arah yang betul dalam masa setahun menjadi pengerusi.

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



PETUGAS-petugas pengiring berbual sementara menunggu majlis menandatangani dokumen perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Pengecualian Visa pada Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-39 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.